

**GARIS PANDUAN
PELANTIKAN TENAGA PENGAJAR SAMBILAN
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI, UKM**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memperincikan prosedur pelantikan Tenaga Pengajar Sambilan yang merangkumi lantikan Pensyarah Sambilan, Tutor dan Demonstrator bagi membantu Pensyarah sedia ada dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

2. TERMA LANTIKAN

2.1 Pensyarah Sambilan

- 2.1.1 Pensyarah Sambilan dilantik dalam kalangan pakar bidang/kursus (bersara atau masih dalam perkhidmatan) dari UKM atau organisasi luar, bagi mengisi kekosongan kepakaran dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran sesuatu kursus.
- 2.1.2 Syarat kelayakan Calon:
 - a. Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan, atau
 - b. Sarjana dalam bidang berkaitan, atau
 - c. Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dengan 3 tahun pengalaman.
- 2.1.3 Syarat Kursus:
 - a. Tiada kepakaran dalaman dikalangan Pensyarah hakiki
 - b. Memenuhi syarat minimum penawaran kursus
- 2.1.4 Tugas utama :
 - a. Menjalankan Kuliah/ Syarahan kursus yang ditetapkan
 - b. Menyediakan dan terlibat dalam penaksiran kertas soalan peperiksaan akhir, memeriksa kertas jawapan tersebut dan hadir semasa peperiksaan dijalankan (jika perlu)
 - c. Melengkapkan/ memenuhi keperluan dokumentasi kursus termasuk portfolio pengajaran.
 - d. Bertanggungjawab kepada Penyelaras Kursus/Ketua Program yang akan memberi arahan dari masa ke semasa.

2.2 Tutor Sambilan

- 2.2.1 Tutor Sambilan dilantik bagi memberi tutorial untuk memastikan pelajar dapat mendalami ilmu yang dipelajari dalam kursus.
- 2.2.2 Syarat kelayakan Calon:
 - a. Pelajar prasiswazah tahun akhir dalam bidang berkaitan (gred minimum kursus berkaitan B+) atau ;
 - b. Telah tamat pengajian prasiswazah dalam bidang berkaitan (PNGK minimum 3.0)

2.2.3 Syarat Kursus:

- a. Kursus untuk tahun 1 sahaja
- b. Jumlah lantikan:
 - minimum 50 pelajar dilantik seorang Tutor
 - 51 – 150 pelajar dilantik dua orang Tutor
 - Lebih 150 pelajar dilantik tiga orang Tutor

2.2.4 Tugas utama :

- a. Menjalankan tutorial kursus yang ditetapkan
- b. Memeriksa kertas jawapan tutorial dan penilaian yang ditetapkan
- c. Bertanggungjawab kepada Penyelaras Kursus/Ketua Program yang akan memberi arahan dari masa ke semasa.

2.3 Demonstrator

2.3.1 Demonstrator dilantik bagi membantu amali pengajaran di makmal/ lapangan.

2.3.2 Syarat kelayakan Calon - Pelajar pasca siswazah dalam bidang berkaitan.

2.3.3 Syarat Kursus - minimum 30 pelajar dilantik seorang Demonstrator (maksimum 2 Demonstrator boleh dilantik bagi kursus yang jumlah pelajarinya melebihi 60 orang)

2.3.4 Tugas utama :

- a. Membantu perjalanan amali di makmal pengajaran kursus yang ditetapkan
- b. Menyemak laporan amali yang dijalankan
- c. Bertanggungjawab kepada Penyelaras Kursus/Ketua Program yang akan memberi arahan dari masa ke semasa.

3. PROSES LANTIKAN

3.1 Calon (Bahagian I – III) : Melengkapkan borang permohonan dan dokumen sokongan yang dinyatakan pada senarai semak dihadapan borang.

3.2 Penyelaras Program (Bahagian IV): Lengkapi dan memberikan justifikasi keperluan lantikan.

3.3 Ketua Program (Bahagian V): Sokongan permohonan.

3.4 Ulasan Pentadbiran (Bahagian VI) : Semakan peruntukan dan baki kewangan.

3.5 Kelulusan Dekan (Bahagian VII) : keputusan kelulusan.

3.6 Kelulusan Mesyuarat Pengurusan hanya diperlukan jika permohonan yang diterima tidak jelas atau diluar syarat yang ditetapkan.

3.7 Surat tawaran akan dikeluarkan oleh Pejabat Dekan FST.

4. KADAR BAYARAN DAN KEMUDAHAN

4.1 Perincian **kadar** adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Elaun/Jam	Had Maksimum Sebulan
1.	Pensyarah Sambilan	RM100.00	RM1,200.00
2.	Tutor Sambilan	RM50.00	RM1,200.00
3.	Demonstrator (Berijazah)	RM25.00	RM600.00

4.2 **Elaun menyedia/memeriksa** kertas peperiksaan akademik akan dibayar seperti berikut:

- a. Menyediakan Soalan Peperiksaan : RM 100.00
- b. Memeriksa Kertas Jawapan \geq 1 jam : RM2.50 / skrip jawapan
- c. Memeriksa Kertas Jawapan $<$ 1 jam : RM2.00 / skrip jawapan

- d. Kadar menyediakan dan memeriksa kertas ini perlu mengambilkira peratus penglibatan Tenaga Pengajar sambilan jika proses ini turut melibatkan Pensyarah hakiki kursus terbabit
- 4.3 Tenaga Pengajar yang terdiri kakitangan UKM tidak layak dibayar elaun perbatuan. **Bagi Tenaga Pengajar luar UKM**, kadar perbatuan boleh dituntut mengikut kelayakkan untuk perjalanan daripada rumah/pejabat ke UKM, tertakluk kepada jumlah tuntutan **tidak melebihi RM300.00** sebulan
- 4.4 Tenaga Pengajar dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di atas kadar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan pihak Universiti akan mencarum lebih kurang 12% daripada elaun calon.
- 4.5 Tenaga Pengajar tidak berhak menerima apa-apa faedah yang diberikan kepada pegawai tetap Universiti seperti faedah persaraan, cuti, kemudahan perubatan dan faedah lain yang seumpamanya.
- 4.6 Sekiranya Tenaga Pengajar seorang kakitangan Kerajaan/Badan Berkanun, calon perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan calon sebelum menerima tawaran ini. Sila kemukakan kepada kami surat kebenaran tersebut sebelum calon menjalankan kerja sambilan ini.
- 4.7 Sekiranya Tenaga Pengajar adalah **bukan warga negara**, calon dikehendaki mendapatkan **Pas Penggajian** terlebih dahulu sebelum menerima pelantikan ini. Surat tawaran ini adalah dengan sendirinya terbatal jika pemohon bukan warga negara tidak mempunyai Pas Penggajian.

5. PEKELILING DAN BORANG BERKAITAN

- 5.1 Panduan Perlantikan Tenaga Pengajar Sambilan, Jabatan Pendaftar bertarikh 14 Jun 1995
- 5.2 Borang Permohonan Tenaga Pengajar Sambilan (Pensyarah / Tutor / Demonstrator Sambilan) (UKM/PPPS/F03/P04/AK01, Pindaan 1 April 2018)
- 5.3 Borang Tuntutan Perjalanan (UKM-SPKP-BEN-PK11-GP03-BO01, Tarikh kuat kuasa 1 Mei 2012)
- 5.4 Borang tuntutan menyediakan soalan peperiksaan akhir / memeriksa kertas jawapan (UKM-SPKP-BEN-PK11-BO01, Tarikh kuat kuasa 01/05/2012)

6. PELAKSANAAN

Garis panduan ini berkuat kuasa **mulai Semester I Sesi Akademik 2018/2019**, tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa.

Kelulusan : Mesyuarat Pengurusan Fakulti ke-263

Tarikh : 14 Mac 2018